

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PEMBANGUNAN INSTRUMEN  
PENILAIAN KEROHANIAN  
KETENTERAAN MALAYSIA  
(INPERO)**

**AZLISHAM BIN ABDUL AZIZ**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi  
keperluan untuk ijazah  
**Doktor Falsafah**  
**(Pengajian Islam Kontemporari)**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**September 2022**

## ABSTRAK

Penilaian kerohanian ketenteraan Malaysia yang *intangible* memerlukan suatu garis panduan bagi mengatasi isu ketiadaan instrumen yang spesifik dan komprehensif. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Instrumen Penilaian Kerohanian Ketenteraan Malaysia (INPERO) yang mempunyai ciri-ciri boleh dipercayai (*reliable*) dan sah (*validate*) dalam penilaian kerohanian anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Kajian ini menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan oleh Richey & Klein (2014) yang diubah suai melalui tiga fasa; analisis, reka bentuk pembangunan dan penilaian. Fasa pertama bertujuan untuk mengenal pasti kriteria yang diperlukan untuk membangunkan panduan penilaian kerohanian ketenteraan Malaysia. Fasa kedua bertujuan untuk mereka bentuk konstruk penilaian kerohanian ketenteraan Malaysia yang disepakati pakar sementara fasa ketiga menilai tahap kualiti kesahannya dan kebolehpercayaannya serta menghasilkan profil kerohanian anggota ATM. Kutipan data bagi fasa pertama, iaitu analisis keperluan kajian melibatkan 8 orang informan dengan menggunakan temu bual semi berstruktur. Data bagi fasa ini dianalisis menggunakan analisis tematik ATLAS.ti melalui transkripsi temu bual. Data fasa kedua, iaitu reka bentuk pembangunan dikutip menggunakan set soal selidik skala Likert 7-poin melalui *Fuzzy Delphi Method* (FDM) melibatkan 15 orang panel pakar. Data fasa terakhir, iaitu penilaian pula melibatkan 400 anggota muslim ATM yang kemudian dianalisis menggunakan Model Pengukuran Rasch. Dapatkan data Fasa Analisis Keperluan menunjukkan semua informan bersetuju bahawa panduan penilaian kerohanian dalam bentuk instrumen sangat diperlukan. Mereka juga bersetuju bahawa panduan tersebut perlu mempunyai empat dimensi, iaitu (i) penghayatan akidah; (ii) penghayatan ibadah; (iii) penghayatan akhlak; dan (iv) penghayatan Islam dalam nilai Ikrar Kesatria ATM. Dapatkan data pada Fasa Reka Bentuk pula menunjukkan semua panel pakar *Delphi* bersetuju dengan keempat-empat dimensi tersebut dengan skor Julat antara Kuartil (JAK) 0.00 - 1.00 dan disokong dengan kesepakatan yang tinggi dalam kalangan pakar untuk menerima 205 item melalui analisis FDM yang menunjukkan nilai *threshold* ( $d \leq 0.2$ ), peratusan kesepakatan pakar ( $\geq 75\%$ ) dan skor *Fuzzy* (A) nilai  $\alpha$ -*cut* =  $> 0.5$ . Pada Fasa Penilaian, 15 item telah digugurkan pada kajian rintis kerana tidak sepadan (*misfit*) dengan nilai berada di luar sempadan yang ditetapkan (outfit ZSTD = 0.5 - 1.5). Kajian sebenar telah mengekalkan 190 item yang mempunyai ciri kesahan baik bagi setiap item dan person (nilai kebolehpercayaan item: 0.97; kebolehpercayaan person: 0.97; PTMEA CORR item yang positif; outfit MNSQ item = 0.5 - 1.5 logit; dan ZSTD  $> -/+2$ ). Kajian ini berjaya menghasilkan instrumen yang berkualiti tinggi dari aspek kebolehpercayaan dan kesahan. Profil kerohanian anggota ATM secara keseluruhan berada pada tahap sederhana namun ianya mencapai norma kajian. Justeru, kajian ini menyumbang kepada pembangunan alat ukur yang menepati ciri psikometrik dan boleh digunakan untuk meningkatkan kompetensi anggota ATM. Instrumen ini dicadangkan untuk digunakan sebagai satu mekanisme alat dalam penilaian kerohanian anggota ATM sebagai menjambatani integrasi kaedah penilaian material dan *tangible* sedia ada dalam ATM.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالسَّلَامُ عَلَى أَلِهٖ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan kebesaran rahmat, keluasan kasih sayang dan selaut pertolongan-Nya, saya dipilih oleh-Nya untuk menyempurnakan tesis ini bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pengajian Islam Kontemporari di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.

Pertamanya, saya ingin melahirkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih buat ibu saya Hajah Kamariah Haji Awang, isteri saya Haflah Yusoff dan ahli keluarga saya atas sokongan dan dorongan yang diberikan sepanjang saya menyempurnakan tesis ini.

Saya turut mengalungkan penghargaan dan terima kasih tanpa sempadan kepada Penyelia Utama saya Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Nor Mamat, Penyelia Bersama saya Lt Kol Prof. Madya Dr. Daud Mohamed Salleh (Bersara), Dekan ACIS Prof. Madya Dr. Nurhidayah Muhammad Hashim, Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik ACIS Prof. Madya Dr. Amal Hayati Ishak, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar ACIS Dr. Hajar Opir, Ketua Pengajian Pascasiswazah ACIS Prof Madya Dr. Rafeah Saidon, Koordinator Pascasiswazah ACIS Dr. Mohd Faiz Mohamed Yusof dan Penasihat Persatuan Pascasiswazah ACIS Dr. Mohd Amzari Tumiran.

Begini juga saya merakamkan terima kasih tanpa noktah kepada Mentor saya Prof. Dr. Mohd Saidfudin Masodi, Prof. Madya Dr. Najahudin Lateh, Dr. Tajulashikin Jumahat, Dr. Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ts. Dr. Zulkifli Mohd Sidi, Dr. Salbiah Mohamed Salleh, Dr. Shyielathy A/P Arumugam, Dr. Owi Kim Huei dan Dr. Mohd Zul Asyraf Mohd Kamal serta rakan-rakan dalam Persatuan Pascasiswazah ACIS di atas tunjuk ajar, teguran dan motivasi sepanjang saya menjalankan kajian bagi menyempurnakan tesis PhD ini.

Akhirnya, rantaian terima kasih jua seluruh staf ACIS. Alhamdulillah.

## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	<b>ii</b>
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xxii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xxiv</b>
<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	<b>xxvi</b>
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	15
1.6 Signifikan Kajian	15
1.6.1 Kepentingan terhadap Angkatan Tentera Malaysia	16
1.6.2 Kepentingan kepada Kesarjanaan Ilmu	16
1.6.3 Kepentingan kepada Negara	17
1.7 Skop dan Limitasi Kajian	17
1.8 Kerangka Konseptual	19
1.9 Konsep Teoretikal	21
1.10 Definisi Operasional	24
1.10.1 Pembangunan	24
1.10.2 Instrumen	24
1.10.3 Penilaian	25
1.10.4 Kerohanian	25

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan pengenalan bagi isi kandungan kajian yang mengandungi pendahuluan kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, rasional kajian, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan limitasi kajian, signifikan kajian, kerangka konsep kajian, definisi operasi kajian dan perkara-perkara yang berkaitan dengan Pembangunan Instrumen Penilaian Kerohanian Ketenteraan Malaysia.

Konsep Islam mengenai fitrah manusia adalah menyeluruh dan merangkumi semua aspek. Menurut konsep Islam, di antara semua ciptaan di langit dan bumi, hanya manusia yang berdiri di puncak tertinggi untuk disebut sebagai ciptaan terbaik dan yang paling indah daripada Allah SWT melalui firman-Nya:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Maksudnya:

Kami memang telah menciptakan manusia dengan kejadian yang terbaik.

(at-Tin: 9)

Kedudukan yang tinggi ini menjadikan manusia disebut sebagai Khalifah Allah di bumi ini dan lebih unggul daripada malaikat dan ciptaan lain seperti matahari, bulan, bintang, dan lain-lain. Kehebatan manusia telah dijelaskan lebih lanjut dalam firman Allah:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَهَمْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيَّابَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ  
مِنْ خَلْقِنَا تَفْضِيلًا